

PERADUAN DEPOSIT & MENANG HONG LEONG

Terakhir dikemaskini pada 7 Julai 2018

TEMPOH PERADUAN

“Peraduan Deposit & Menang Hong Leong” (“Peraduan”) Hong Leong Bank Berhad (97141-X) (“HLB”) dan/atau Hong Leong Islamic Bank Berhad (686191-W) (“HLISB”) [kemudian daripada ini secara kolektif disebut “Bank”] bermula pada **7 Julai 2018** dan berakhir pada **30 September 2018**, termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Peraduan”), melainkan diberitahu sebaliknya.

TERMA DAN SYARAT

Terma dan syarat Peraduan ini adalah seperti berikut:

KELAYAKAN

1. Peraduan ini terbuka kepada individu Malaysia yang merupakan pemegang akaun bagi Akaun Sertan Bank yang baharu dan sedia ada (seperti yang ditakrif dalam Fasal 3 di bawah), termasuk pelanggan Perbankan Prioriti dan Perbankan Persendirian Hong Leong, dan telah mendaftar sebagai pengguna Perbankan Internet Hong Leong Connect dan/atau Connect App (“Pengguna Connect”).
2. Peraduan **TIDAK** terbuka kepada bukan Pengguna Connect (biarpun mereka pemegang Akaun Sertan warga Malaysia), pemegang akaun bagi Akaun Sertan bukan warga Malaysia dan bukan pelanggan individu termasuk empunya tunggal, perkongsian, amalan profesional, syarikat dan badan korporat.
3. Peraduan terbuka kepada Pengguna Connect bagi akaun-akaun berikut (“Akaun Sertan”):
 - (a) Akaun Simpanan Asas Hong Leong
 - (b) Akaun Simpanan Asas-i Hong Leong
 - (c) Akaun Simpanan-i Multi-tier Hong Leong
 - (d) Akaun Simpanan Hong Leong
 - (e) Akaun Simpanan-i Hong Leong
 - (f) Akaun Semasa Asas Hong Leong
 - (g) Akaun Semasa Hong Leong
 - (h) Akaun Simpanan Senior Savers Hong Leong
 - (i) Akaun Simpanan Harvest Hong Leong
 - (j) Akaun Pay&Save Hong Leong
 - (k) Akaun Pay&Save-i Hong Leong
 - (l) Akaun SmartLink Hong Leong
 - (m) Akaun Top Yield Hong Leong
 - (n) Akaun One Hong Leong
 - (o) Akaun Semasa One-i Hong Leong
 - (p) Hong Leong Payroll Plus-i
 - (q) Akaun Deposit Tabung Duit Hong Leong

Bagi mengelakkan keraguan, semua Akaun Sertan yang dinyatakan dalam Fasal 3 di atas adalah layak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (“PIDM”).

4. Pengguna Connect yang merupakan kakitangan Bank sama ada secara tetap atau kontrak, kakitangan mana-mana rakan kongsi Bank, wakil atau ejen (termasuk juruaudit luar, vendor, pembekal, ejen pengiklanan dan ejen Peraduan) dan ahli-ahli keluarga terdekat masing-masing (contoh, pasangan, anak-anak, ibu atau bapa, adik-beradik) adalah **TIDAK** layak menyertai Peraduan.
5. Pengguna Connect yang telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh Bank atau telah isytiharkan mufliis (menurut petisyen oleh sama ada HLB atau HLISB atau institusi kewangan lain atau oleh mana-mana pihak ketiga (ke-3) atau bakal dikenakan prosiding kemufliisan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Peraduan **TIDAK** layak menyertai Peraduan.

HADIAH TUNAI

6. **Dua puluh** (20) unit Ringgit Malaysia Tujuh Ratus Tujuh Puluh Tujuh sahaja (RM777) (“Hadiah Tunai”) akan disediakan untuk tujuan Peraduan ini.
7. Jumlah Hadiah Tunai dihadkan **Ringgit Malaysia Lima Belas Ribu Lima Ratus Empat Puluh sahaja (RM15,540.00)** bagi 20 Pemenang Hadiah Tunai (seperti ditakrif dalam Fasal 20 di bawah) di bawah Peraduan ini.

KAEDAH PERADUAN

8. Bagi mendapat penyertaan dalam Peraduan ini (“Penyertaan Peraduan”), Pengguna Connect mestilah memenuhi salah satu kriteria berikut (“Pelanggan Layak”) semasa Tempoh Peraduan untuk memenangi Hadiah Tunai:

Kriteria Peraduan	Bilangan Penyertaan Peraduan diperolehi
(i) Membuka Akaun Sertaaan baharu dari 7 Julai 2018 hingga 31 Julai 2018	1
(ii) Mendeposit amaun minimum RM1,500 selama dua (2) bulan berturut-turut dengan amaun minimum RM1,500 setiap bulan ke dalam mana-mana Akaun Sertaaan	2
(iii) Membuka Akaun Sertaaan baharu dari 7 Julai 2018 hingga 31 Julai 2018 DAN mendeposit amaun minimum RM1,500 selama dua (2) bulan berturut-turut dengan amaun minimum RM1,500 setiap bulan ke dalam Akaun Sertaaan baharu itu	5

9. Bagi Kriteria Peraduan (ii) dan (iii) yang menghendaki Pengguna Connect mendeposit amaun minimum Ringgit Satu Ribu Lima Ratus (RM1,500) setiap bulan ke dalam Akaun Sertaaan selama dua (2) bulan berturut-turut (“Deposit 2 Bulan”), Deposit tersebut mestilah dimasukkan dalam bulan Julai 2018 dan Ogos 2018 atau Ogos 2018 dan September 2018.
10. Bagi tujuan Peraduan ini, Deposit 2 Bulan itu mestilah Dana Baharu. Bagi mengelakkan keraguan, Dana Baharu ditakrif sebagai:
 - (a) Wang tunai, GIRO antara bank, dana baharu yang diterima melalui pindahan telegraf daripada bank lain, cek tempatan atau cek jurubank yang dikeluarkan oleh bank lain yang depositkan ke dalam Akaun Sertaaan; dan
 - (b) Hasil penebusan ekuiti, dana unit amanah, bon / sukuk dan/atau Hong Leong Invest Safe semasa Tempoh Peraduan yang didepositkan semula ke dalam Akaun Sertaaan
11. Yang berikut ini tidak dianggap sebagai “Dana Baharu”:
 - (a) Deposit Tetap / Deposit Tetap-i (“FD/FD-i”) yang matang atau pengeluaran pramatang mana-mana akaun FD/FD-i sedia ada;
 - (b) Pindahan dana intra bank, iaitu pindahan dana daripada CASA/CASA-i, FD/FD-i HLB / HLISB yang lain atau Akaun Pelaburan Am (“GIA”); dan
 - (c) Pindahan antara cawangan di dalam HLB dan HLISB termasuk pindahan pihak ketiga (ke-3).
12. Bank akan menjejaki Penyertaan Peraduan Pelanggan Layak secara automatik pada akhir Tempoh Peraduan berdasarkan pemenuhan Kriteria Peraduan semasa Tempoh Peraduan yang dimasukkan dan dipaparkan dalam sistem Bank. Borang penyertaan Peraduan atau pendaftaran penyertaan tidak diperlukan.
13. Bagi Pelanggan Layak yang mempunyai lebih daripada satu Akaun Sertaaan, Penyertaan Peraduan yang diperolehi atas setiap Akaun Sertaaan dianggap terasing dan tidak boleh digabungkan untuk mengira jumlah penyertaan Peraduan yang diperolehi semasa Tempoh Peraduan.

PEMILIHAN DAN PEMENUHAN PEMENANG PERADUAN

14. Akaun Sertaaan Pemenang Hadiah Tunai mestilah kekal dibuka, aktif dan sah dengan baki akaun minimum Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500) dari 7 Julai 2018 hingga 31 Disember 2018 bagi tujuan mengkreditkan

Hadiah Tunai, jika tidak Pemenang Hadiah Tunai akan terlucut kelayakan daripada menerima Hadiah Tunai dan Hadiah Tunai itu akan dilupuskan.

15. Hadiah Tunai akan dikreditkan ke dalam Akaun Sertaa Pemenang Hadiah Tunai selewat-lewatnya 31 Disember 2018. Namun begitu, Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap kelewatan mengkreditkan Hadiah Tunai itu.
16. **Satu Ratus (100)** Pelanggan Layak akan dipilih secara rambang dan disaring selepas tamatnya Tempoh Peraduan untuk memilih Pemenang Hadiah Tunai (“Pelanggan Layak Disaring”).
17. Pelanggan Layak Disaring akan dihubungi oleh Bank atau Pengurus Peraduan lantikannya, Dynamic Search Sdn. Bhd. (136574V) (“Dynamic Search”) atas dasar usaha terbaik melalui nombor telefon terkini yang diberi oleh Pengguna Connect seperti terpapar dalam sistem Bank **SEKALI** pada bila-bila masa dalam waktu pejabat (9:00 pagi hingga 5:00 petang) untuk sesi Soal Jawab untuk menjawab sekurang-kurangnya **dua (2)** soalan dengan betul dalam rangka masa yang terpantas.
18. Jika Pelanggan Layak Disaring gagal menjawab telefon selepas **lima (5)** dering atas apa jua sebab sekalipun, atau sekiranya nombor telefon yang diberi oleh Pelanggan Layak Disaring tidak tepat sama ada ketidaktepatan itu berpunca daripada kesilapan Bank atau Pelanggan Layak Disaring, maka Pelanggan Layak Disaring dianggap telah terlepas peluang menang dan Bank atau Dynamic Search akan mempunyai hak mutlak untuk memilih seorang lagi Pelanggan Layak Disaring jika perlu. Oleh itu Pelanggan berkewajipan memberi nombor telefon yang terkini, sah dan tepat kepada Bank. Bank tidak akan bertanggungjawab sekiranya Bank dan/atau Dynamic Search tidak dapat menghubungi Peserta Disaring untuk sesi Soal Jawab, atas apa jua sebab sekalipun.
19. Pelanggan Layak Disaring **TIDAK** akan diberitahu pada masa itu juga sama ada mereka adalah Pemenang Hadiah Tunai sebaik sahaja selesai sesi Soal Jawab itu.
20. Hanya **dua puluh (20)** Pelanggan Layak Disaring yang dapat menjawab paling banyak soalan dengan betul dalam masa yang terpantas akan diumumkan sebagai pemenang Hadiah Tunai (“Pemenang Hadiah Tunai”). Sekiranya berlaku seri iaitu lebih daripada seorang (1) Pelanggan Layak Disaring berjaya menjawab 2 soalan dengan betul dalam rangka masa terpantas, Pelanggan Layak Disaring yang mempunyai Deposit Tambahan terbanyak sepanjang Tempoh Peraduan akan diisytiharkan sebagai Pemenang.
21. Deposit Tambahan ditakrif sebagai Baki Purata Harian (“DAB”) Akaun Sertaa sepanjang Tempoh Peraduan, tolak baki penutup pada 6 Julai 2018. Bagi Akaun Sertaa baharu yang dibuka semasa Tempoh Peraduan, maka asas pengiraan Deposit Tambahan ialah **Ringgit Malaysia sifar (RM0)**.

(a) Akaun Sertaa Sedia Ada yang dibuka sebelum 6 Julai 2018

$$DAB = \frac{\text{Hasil tambah baki penutup harian sepanjang Tempoh Peraduan}}{130 \text{ hari}}$$

$$\text{Deposit Tambahan} = DAB - \text{Baki penutup pada 6 Julai 2018.}$$

(b) Akaun Sertaa Baharu yang dibuka semasa Tempoh Peraduan

$$DAB = \frac{\text{Hasil tambah baki penutup harian sepanjang Tempoh Peraduan sejak dibuka}}{\text{Bilangan hari Tempoh Peraduan sejak dibuka}}$$

$$\text{Deposit Tambahan} = DAB$$

22. Setiap Pelanggan Layak Disaring hanya berhak memenangi satu (1) Hadiah Tunai bagi Peraduan ini.
23. Pemenang Hadiah Tunai akan diberitahu oleh Bank sama ada melalui surat, panggilan telefon, Khidmat Pesanan Ringkas (“SMS”), dengan menyiarkan nama Pemenang Hadiah Tunai dalam laman web HLB di www.hlb.com.my (“Laman Web HLB”), laman web HLISB di www.hlisb.com.my (“Laman Web HLISB”) atau dengan apa-apa cara lain yang didapati sesuai oleh HLB (“Pemberitahuan”) tidak lewat daripada **1 Disember 2018**.
24. Pemenang Hadiah Tunai yang telah menerima Pemberitahuan tersebut adalah bertanggungjawab memberitahu Bank melalui surat tidak lewat daripada **11 Januari 2019** jika tidak menerima Hadiah Tunai,

sekiranya gagal berbuat demikian, mereka akan dianggap telah menerima Hadiah Tunai itu daripada Bank dan sebarang permintaan atau rayuan untuk mendapatkan bayaran ganti Hadiah Tunai itu tidak akan dilayani Bank.

25. Bank tidak akan bertanggungjawab sekiranya Bank tidak dapat memberitahu Pemenang Hadiah Tunai / Pemenang Hadiah Tunai tidak menerima Pemberitahuan atas apa jua sebab sekalipun dan sebarang permintaan / rayuan untuk mendapat bayaran ganti Hadiah Tunai itu tidak akan dilayani sekiranya Pemenang Hadiah Tunai tidak menerima Hadiah Tunai dan gagal memaklumkan kepada Bank tentang ketidakterimaan Hadiah Tunai itu pada atau sebelum 11 Januari 2019 disebabkan Pemenang Hadiah Tunai tidak menerima Pemberitahuan.
26. Pelanggan Layak Disaring yang tidak menerima Pemberitahuan tersebut daripada Bank sebelum **1 Disember 2018** dianggap **BUKAN** Pemenang.
27. Pelanggan Layak Disaring dengan ini memberi keizinan kepada dan membenarkan Bank untuk mendedahkan nama, nombor telefon dan alamat mereka kepada Dynamic Search dan M3Tech bagi tujuan sesi Soal Jawab seperti diperuntukkan dalam Fasal 17 di atas dan penghantaran Pemberitahuan seperti diperuntukkan dalam Fasal 23 di atas.
28. Pemenang Hadiah Tunai juga dengan ini memberi keizinan kepada dan membenarkan Bank untuk mendedahkan atau menyiarkan nama, nombor Kad Pengenalan (dalam bentuk terlindung) atau foto mereka dalam media, bahan pemasaran atau pengiklanan bagi tujuan Peraduan.
29. Perkhidmatan SMS bagi Peraduan ini disediakan dan disokong oleh M3 Technologies (Asia) Berhad (482772-D) ("M3Tech"), iaitu vendor SMS yang diantik secara rasmi oleh Bank.

UMUM

30. Dengan menyertai Peraduan, Pengguna Connect:
 - (i) telah membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi Terma & Syarat Peraduan;
 - (ii) bersetuju bahawa Terma & Syarat di dalam ini dan Terma dan Syarat Am Akaun Hong Leong bagi CASA Hong Leong dan Akaun Semasa-i Hong Leong dan Akaun Simpanan-i (Tawarruq CASA-i), atau apa-apa syarat dan terma berkaitan yang dikenakan oleh Bank dari semasa ke semasa, hendaklah dibaca sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Jika terdapat sebarang percanggahan, maka Terma & Syarat tertentu di dalam ini akan diutamakan setakat percanggahan tersebut;
 - (iii) bersetuju dan membenarkan Bank untuk mendedahkan nombor telefon bimbit mereka kepada Dynamic Search dan M3tech bagi tujuan Peraduan ini;
 - (iv) bersetuju bahawa Hadiah Tunai tidak boleh dipindah milik kepada pihak ketiga (ke-3) dan tidak boleh ditukar untuk kredit muka, cek atau manfaat barangan;
 - (v) bersetuju bahawa keputusan Bank atas segala hal berkaitan dengan Peraduan adalah muktamad dan mengikat ke atas seluruh Pelanggan Layak (termasuk tetapi tidak terhad kepada penentuan Pemenang Hadiah Tunai dan Pelanggan Layak yang akan berhak menerima Hadiah Tunai) dan sebarang surat-menyurat dan/atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan Bank tidak akan dilayani; dan
 - (vi) bersetuju untuk mengakses Laman Web HLB dan/atau HLISB (secara kolektif "Laman Web Bank") dari semasa ke semasa untuk menyemak Terma & Syarat Peraduan dan menentukan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada Terma & Syarat.
31. Bank berhak:
 - (i) menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda Terma & Syarat yang terkandung di dalam ini, sama ada keseluruhan atau sebahagian, termasuk tetapi tidak terhad kepada menggantikan Hadiah Tunai dengan tawaran lain atau produk yang sama nilainya menurut budi bicara mutlaknyanya, dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web Bank dengan notis awal dua puluh satu (21) hari, atau dengan apa-apa cara lain yang dianggap sesuai oleh Bank;
 - (ii) mengubah, menambah, membatalkan atau menggantikan mana-mana atau kesemua Hadiah Tunai dengan produk lain yang sama nilainya pada bila-bila masa dengan memberi notis awal;
 - (iii) menentukan atas budi bicara mutlaknyanya siapa yang akan menjadi Pemenang Hadiah Tunai sekiranya berlaku seri seperti dinyatakan dalam Fasal 20 di atas;
 - (iv) melucutkan kelayakan mana-mana Pelanggan Layak atas apa jua sebab sekalipun yang Bank, menurut budi bicara mutlaknyanya, daripada menyertai Peraduan dan/atau berhak menerima Hadiah Tunai; dan
 - (v) melupuskan Hadiah Tunai sekiranya Pelanggan Layak tidak mematuhi Terma & Syarat di dalam ini dan Terma dan Syarat Am Akaun Hong Leong bagi CASA Hong Leong, Akaun Semasa-i Hong Leong dan Akaun Simpanan-i (Tawarruq CASA-i), dan semua undang-undang / peraturan lain yang berkenaan.

32. Pelanggan Layak adalah bertanggungjawab dan akan menanggung sendiri segala cukai berkeajaan, fi kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang berkeajaan, jika ada, berkaitan, dengan penyertaan dalam Peraduan.
33. Terma & Syarat di dalam ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pelanggan Layak bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia.
34. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak dan begitu juga sebaliknya.

Akaun Semasa dan Akaun Simpanan-i Hong Leong adalah layak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (“PIDM”).